

PERBILANGAN ADAT PERPATIH: PENILAIAN DARI SEGI ETIK DAN ESTETIKA

Oleh

AZIZAH BINTI UJANG

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjanamuda Sastera Sastera dengan Kepujian

Jabatan Persuratan Melayu
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Sesi 1983/84

ISI KANDUNGAN

Penghargaan

Pengenalan i – ii

BAB 1

1.1.	Pengertian Adat	1
1.2.	Sistem Adat Perpatih	2
1.2.1.	Sistem Nilai	2
1.2.2.	Sistem Kekeluargaan	8
1.2.3.	Sistem Politik	16

BAB 2

2.1	Sistem Pusaka	18
2.1.1	Pusaka Sendiri (Pusaka pakaian diri sendiri)	18
2.1.2	Harta Carian	18
2.1.3	Harta Pembawa	19
2.1.4	Harta Dapatan	20
2.2	Sistem Perwarisan Harta	20
2.3	Pengaruh Sosio-budaya terhadap susunan perwarisan Adat Perpatih	26

BAB 3

	Hukum Faraid	30
3.1.	Definisi Faraid	30
3.2.	Hukum Perwarisan Harta Di Dalam Al-Quran	31
3.3.	Rukun Pepusakaan, Sebab, Syarat dan Halangannya	33
3.4.	Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak	38
3.4.1.	Waris Yang Menerima Pusaka	39
3.4.2.	Pembahagian Pusaka Mengikut Bahagian	39

3.5.	Pusaka Suami Isteri Secara Terperinci	42
3.5.1.	Syarat Pepusakaan Melalui Perkahwinan	42
3.6.	Kedudukan Waris-Waris ‘Ashab al-Furud’ Di Dalam ‘Fard’ Mereka dan Hak-Hak Lain	43
3.7.	‘Asabah’ Pengertian Dan Pembahagiannya	48
3.8.	Hijab, Pengertian Dan Bahagian-Bahagiannya	51
3.9.	Keadilan Pepusakaan Di Dalam Islam	53

BAB 4

	Persoalan Perhubungan Harta Dalam Adat Perpatih	55
4.1.	Konsep Harta	55
4.2.	Sistem Pembahagian Harta	57

BAB 5

	Pandangan Penulis Terhadap Sistem Pembahagian Harta Di Antara Adat Perpatih Dan Hukum Syarak	67
--	--	----

	BIBLIOGRAFI	72
--	-------------	----

PENGENALAN

1. Kepentingan Kajian

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang kaya dengan nilai kebudayaannya sendiri. Kebudayaan yang di dokong oleh masyarakat Melayu meliputi segala aspek kehidupan termasuklah sistem sosial, sistem politik, sistem perekonomian, sistem organisasi dan sistem kepercayaan.

Sebahagian dari nilai ini dilihat melalui perbilangan Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan. Perbilangan yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih mencerminkan hubungan rapat dalam kehidupan sehari-hari manusia. Melalui nilai ini diperlihatkan bagaimana perkembangan sesuatu masyarakat itu. Dari gambaran nilai ini kita dapat menyelami jiwa, pemikiran dan falsafah serta cara hidup masyarakat tersebut. Di samping itu, perbilangan Adat Perpatih juga mengandungi nilai estetika atau nilai keindahan yang harus diambil perhatian.

2. Tujuan Kajian

Banyak kajian dan penulisan telah dilakukan tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan oleh para pensyarah dan mahasiswa/i dengan membawa tajuk-tajuk menarik. Antaranya ialah kajian dari sudut sosial dan ekonomi iaitu kajian yang menyentuh institusi perkahwinan, institusi kekeluargaan dan kajian dari segi tanah pusaka. Walaupun telah banyak kajian dibuat, namun masih terdapat aspek lain yang belum terbongkar untuk pengetahuan umum. Dalam kajian ini, penulis akan mengupas nilai etik yang terkandung dalam sistem Adat Perpatih. Penulis juga akan mengkaji nilai-nilai estetika atau keindahan yang terdapat dalam perbilangan tersebut.

3. **Skop Kajian**

Kawasan yang mengamalkan Adat Perpatih ini terhad iaitu kawasan Negeri Sembilan dan Alur Gajah, Melaka. Penulis tidak menghadkan kajian kepada mana-mana kawasan yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan menyeluruh yang menyentuh perbilangan Adat Perpatih merupakan skop kajian ini.

4. **Masalah Kajian**

Masalah yang timbul ialah masyarakat Adat Perpatih sendiri yang kurang faham beberapa aspek dari adat tersebut kerana adat ini bukan terdapat secara terperinci. Mereka yang tahu selok belok Adat Perpatih ialah terdiri dari ketua-ketua Adat atau Pemimpin Masyarakat yang tinggal di merata bahagian perkampungan menimbulkan masalah kepada pengkaji.

5. **Kaedah Kajian**

Penulis akan membuat kajian luar dan juga menggunakan bahan rujukan yang di perpustakaan. Penulis juga menemubual Ketua Adat di Kampung Pulau Besar (Negeri Sembilan) iaitu Encik Manap Osman dan Ketua Adat di Felda Bukit Jalor iaitu Encik Mat Sar bin Shadi. Di samping itu penulis juga menemubual secara tidak langsung dengan beberapa orang yang mengetahui serba sedikit tentang perbilangan Adat Perpatih.

Penulis juga menggunakan kemudahan perpustakaan di mana terdapat beberapa kajian yang dibuat oleh pensyarah dan mahasiswa/i. Penulis juga melihat perbilangan yang telah dikumpulkan oleh beberapa orang penulis dan pengkaji dalam bentuk buku dan majalah.

BAB 2

2.1 SISTEM PUSAKA

2.1.1 Pusaka Sendiri (Pusaka pakaian diri sendiri):

Ini ialah harta pusaka jenis kedua dalam Adat Perpatih. Dikenali juga sebagai harta pusaka waris. Harta ini merupakan harta nenek moyang yang pada asalnya merupakan harta penambahan dalam sesuatu suku. Harta jenis ini merupakan harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya seperti barang-barang kemas dan lain-lain harta carian bapa atau pemberian bapa atau pemberian kepada bapa.

Cara pemberian harta pusaka waris tidak sama dengan harta pusaka suku. Perwarisannya tidak terhad kepada kaum perempuan sahaja. Kaum lelaki dan waris yang sama juga berhak menuntut bahagiannya. Bagi menentukan cara perwarisan ini, permuafakatan sering diadakan untuk mencapai kata sepakat dalam menentukan siapakah ahli waris yang patut menerima sesuatu hak, mungkin ahli waris lelaki dan mungkin ahli waris perempuan. Ini bergantung kepada kata putus dari permuafakatan itu.

2.1.2 Harta Carian:

Taylor¹⁹ membahagikan harta ini kepada dua jenis berdasarkan sumber atau punca harta itu di dapati iaitu:

a. Carian bujang:

Harta yang dicari oleh lelaki yang belum berkahwin dipanggil carian bujang. Jika harta itu merupakan harta pendapatannya sendiri, ia mempunyai kuasa untuk menjadikan harta itu sebagai miliknya. Carian bujang juga merupakan harta yang didapati oleh seseorang semasa kanak-kanak iaitu yang didapati dari ibu bapanya. Dalam satu-satu

¹⁹ Taylor, _____ Vol.7.1929, hal. 14.

perkahwinan harta carian bujang menjadi harta pembawa. Apabila berlaku perceraian harta itu kembali ke tangan pihak lelaki atau warisnya.

Apabila pemilik harta carian bujang ini mati sama ada bujang atau telah berkahwin, harta itu kembali ke tangan waris dan dibahagikan mengikut peraturan-peraturan pembahagian harta pusaka yang telah ditentukan. Bagi anak-anak gadis yang berkahwin awal, mereka tidak mempunyai pendapatan sendiri. Oleh itu mereka tidak mempunyai harta carian tetapi mendapat atau memiliki harta dapatan. Walau bagaimana pun apabila ia bercerai dan menjadi janda, ia boleh mendapatkan harta carian secara berusaha sendiri. Harta yang didapati ini boleh dikategorikan sebagai harta carian bujang atau carian janda.

b. Carian laki bini:

Harta ini merupakan yang diperolehi bersama selama perkahwinan. Punca harta ini didapati misalnya hasil ladang getah, alat-alat pertanian, simpanan bersama atau hasil padi. Cara perwarisan harta carian laki bini ini akan dihuraikan di bawah tajuk 'sistem perwarisan harta' yang akan menyusul nanti.

2.1.3. Harta Pembawa:

Harta pembawa ialah harta lelaki. Harta ini dibawa oleh suami pada waktu perkahwinan. Jenis-jenis harta yang tergolong di dalam harta pembawa ialah:

1. Harta carian bujang iaitu harta carian titik peluh anggota lelaki berkenaan. Bila ia mati harta carian bujang jenis ini jatuh kepada saudara perempuannya.
2. Harta yang dihadiahkan oleh ibu bapa kepada anak lelakinya. Bila ia mati dan kalau ia sudah berkahwin, harta ini dikembalikan kepada warisnya.

3. Hadiah-hadiah dari keluarga kepada anggota lelaki sudah berkahwin. Segala harta pembawa mestilah diberitahu waktu berkahwin dan apabila mati permohonan untuk pemulangnya mesti dibuat pada kenduri 'meratus hari'. Tatkala ini juga si suami dijemput balik ke tempat suku asal keluarganya. Tanpa isteri ia tidak mempunyai hak lagi untuk tinggal di tanah isterinya.
4. Harta bahagiannya hasil dari pembahagian harta carian jika ia sudah beristeri sebelum itu. Apabila ia mati, harta ini akan dikembalikan kepada warisnya.

2.1.4 Harta dapatan:

Ialah harta yang didapati oleh seorang perempuan pada waktu perkahwinan. Harta ini terdiri dari tiga jenis²⁰ iaitu harta carian bujang atau mak dara, harta yang didapati apabila berlaku perceraian dan harta janda. Bila si perempuan itu meninggal dunia, harta dapatan ini jatuh kepada anak perempuannya. Harta carian, harta pembawa dan harta dapatan, dikenali juga sebagai harta perkahwinan menurut Adat Perpatih²¹.

2.2 Sistem Perwarisan Harta:

Sistem perwarisan harta di dalam Adat Perpatih adalah berdasarkan kepada Hukum Adat Waris iaitu kaedah-kaedah hukum yang mengatur pemindahan harta seseorang yang mati kepada ahli warisnya²². Untuk membolehkan harta itu Diwariskan, ada tiga unsur penting yang perlu diperhatikan dan diselesaikan menurut hukum adat waris iaitu:

²⁰ Sistem Sosial Adat Perpatih, hal.117

²¹ Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal.141

²² Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal.144

1. Ada seseorang yang meninggal dunia
2. Ada ahli waris dari si mati
3. Ada harta peninggalan si mati

Di bawah ini akan diuraikan system perwarisan harta di dalam Adat Perpatih mengikut jenis-jenis hartanya.

a. Sistem perwarisan harta pusaka :

Terdapat beberapa corak tentang perwarisan harta pusaka ini. Corak pertama ialah penurunan cara terus. Cara ini dilakukan jika ada keturunan perempuan pada tiap-tiap generasi. Cara mewarisi harta pusaka seperti ini adalah seperti berikut. Bila si ibu meninggal dunia, harta pusaka itu jatuh kepada anak-anak perempuannya. Cara ini dapat dilihat di rajah 1 di muka 32. Dalam rajah 1 itu, bermula dari Ego, sebagai anak perempuan di dalam keluarganya. Ego akan menerima pusaka dari ibunya kerana mempunyai hubungan darah menurut suku ibu. Apabila Ego meninggal dunia, harta pusaka itu akan diwariskan pula kepada anak perempuannya, seterusnya harta itu akan diturunkan kepada anak; anak perempuan Ego.

Jika si ibu tidak mempunyai anak perempuan, maka yang mewarisinya ialah keluarga perempuan yang hampir atau yang sekedim sekali, pada lazimnya ialah saudara perempuan atau anak saudara perempuan. Cara ini dapat dilihat di rajah 2, di mana Ego yang memegang harta pusaka itu tidak mempunyai anak perempuan. Oleh itu harta pusaka itu akan diturunkan kepada saudara perempuan Ego atau anak saudara perempuannya. Andainya tidak ada waris sekedim, maka harta itu akan berpindah kepada saudara perempuan di dalam suku, walaupun saudara jauh. Pendek kata yang paling berhak ialah waris yang dekat. Bila tiada waris yang dekat barulah jatuh kepada waris yang jauh.


Menurut peraturan adat, jika timbul keadaan di mana sesuatu suku itu sudah tidak ada atau punah dan harta pusaka tidak dapat diturunkan kepada sesiapa, tanah pusaka yang demikian dikatakan 'pusaka gantung'. Keadaan demikian, anak lelaki atau waris lelaki akan menyembahkan kepada undang untuk dilelong. Dalam lelongan ini anggota-anggota suku itu sendiri diberi keutamaan sebelum dibuka kepada orang ramai. Hasil dari lelongan itu akan diberikan kepada anak-anak lelaki si mati atau abang atau bapa saudaranya mengikut keadaan.

b. Sistem perwarisan harta carian suami isteri :


Sistem perwarisan harta suami isteri telah ditetapkan oleh hukum adat berdasarkan perbilangan :

Putus belah seorang beragih
Carian bahagi
Dapatan tinggal
Bawaan kembali

Rajah 1 – PENURUNAN CARA TERUS



Rajah 2 – PENURUNAN KEPADA SAUDARA PEREMPUAN ATAU ANAK SAUDARA PEREMPUAN



Petunjuk Rajah:

○ Lambang perempuan

△ Lambang lelaki

┌───┐ Anak

┌───┐ perkahwinan

— Proses penurunan harta

Putus belah seorang beragih, membawa erti perceraian mati yang berlaku di antara sepasang suami isteri. Pembahagian harta kepada waris si mati berpandukan kepada jenis harta carian itu. Kalau harta carian bujang atau janda maka harta itu hendaklah diserahkan kepada suku atau waris si mati. Biasanya orang perempuan menjadi waris untuk menerima harta tersebut sama ada saudara perempuan atau anak perempuan si mati.

Bagi harta carian suami isteri pula, pembahagian akan terpulang kepada salah seorang yang masih hidup, sama ada suami atau isteri. Jika suami yang meninggal dunia, harta itu akan kembali kepada isteri untuk dijaga. Begitu juga sebaliknya jika isteri pula yang meninggal dunia. Pihak yang masih hidup perlu menjaga harta tersebut untuk diwariskan kepada anak-anak mereka sama ada lelaki atau perempuan. Kalau suami isteri itu tidak mempunyai anak, harta tersebut hendaklah dibahagikan di antara suku dan waris si suami dan juga si isteri. Perwarisan harta carian suami isteri ini seiring dengan kata-kata adat di bawah:

Carian bahagi

Mati laki tinggak ke bini

Mati bini tinggal ke laki

Mati laki bini tinggal ke anak

Kalau perceraian hidup, harta carian bujang atau janda akan dikembalikan semula kepada empunya. Harta carian bujang yang dipunyai oleh si suami semasa bujang akan dikembalikan semula kepadanya. Begitu juga dengan harta carian bujang seorang gadis yang berkahwin, apabila berlaku perceraian ia akan menerima semula harta yang dicari sendiri semasa gadisnya. Tetapi harta carian suami isteri akan dibahagikan di antara keduanya. Untuk memudahkan penyelesaian, harta itu akan dinilai seperti barang-barang kemas, alat-alat perhiasan, perabut-perabut dan segala harta yang bernilai.

Mengenai harta carian laki bini ini, Anisah Kassim mengatakan bahawa:

‘Dari segi idealnya selepas diceraikan suami, isteri itu kekal memiliki semua sekali harta-harta dapatan tersebut, dan harta-harta carian pula dibahagi dua antara mereka’.

c. Sistem perwarisan harta perkahwinan :

Telah diperkatakan awal tadi bahawa harta perkahwinan adalah terdiri daripada tiga jenis harta iaitu harta carian, harta pembawa dan harta dapatan. Apabila terjadi perceraian, harta yang dibawa pada permulaan perkahwinan wajib diserahkan kembali kepada pihak masing-masing. Oleh itu harta pembawa dikembalikan kepada suami isteri dan harta dapatan tetap kepunyaan isteri. Sedangkan harta carian laki bini dibahagi sama di antara suami dan isteri tanpa memandang siapa yang bersalah dan berapa jumlah anak.

Mengenai harta perkahwinan ini dikatakan bahawa Hukum Syarak kurang mempunyai pengaruh, ia lebih dikuasai oleh Hukum Adat Perpatih²³. Untuk melihat apakah kenyataan ini benar-benar mempunyai kebenaran, akan dibincangkan di bab keempat nanti. Pembahagian harta perkahwinan ini didasarkan kepada peraturan-peraturan adat yang berbunyi :

Adat pertemuan dinikahi
Habis pertemuan di cerai
Carian bahagi
Dapatan, tinggal
Pembawa, kembali.

²³ Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih. Hal. 162

Kesimpulannya, prinsip pembahagian harta perkahwinan di dalam Adat Perpatih ini ialah:

Pembawa kembali
Dapatan tinggal
Carian bahagi
Mati laki tinggal ke bini
Mati bini tinggal ke laki

2.3 Pengaruh sosio-budaya terhadap susunan perwarisan harta Adat Perpatih :

Untuk melihat bagaimana susunan perwarisan harta di dalam Adat Perpatih itu yang ujud atau bermula seperti keadaan yang telah diterangkan tadi, kita perlu melihat beberapa faktor yang mempengaruhinya. Faktor-faktor itu boleh digariskan seperti di bawah:

1. Kepercayaan dan mitos:

Berdasarkan satu mitos²⁴ kononnya tatkala rombongan pertama orang-orang Minangkabau hendak meninggalkan negara mereka untuk belayar ke Tanah Melayu, didapati bahtera yang hendak digunakan bagi menyeberang lautan tidak dapat dilancarkan. Walaupun beribu-ribu rakyat mencuba tenaga untuk membantu namun tidak memberi kesan.

Pada sebelah malamnya ketua rombongan itu telah bermimpi bertemu dengan orang tua. Ia disuruh oleh orang tua itu untuk mencari perempuan sulung yang sedang bunting sulung sebagai penggalang untuk melancarkan bahtera itu. Secara kebetulan ada seorang perempuan yang menawarkan diri untuk menjadi penggalangnya. Dengan takdir Allah, bahtera itu dapat bergerak tanpa mencederakan perempuan itu.

²⁴ Metos ialah cerita dongeng tentang asal usul satu-satu kejadian

Sebagai mengenang jasa perempuan yang sanggup berkorban itu maka ketua rombongan telah memutuskan agar semua tanah pusaka diturunkan kepada perempuan. Agak ada persamaan cerita di atas dengan sebuah lagi mitos dalam bentuk bertulis yang menceritakan bahawa Datuk Perpatih iaitu ketua orang Minangkabau hendak melancarkan bahtera itu ialah anak kepada adinda Raja Benua dan Raja Hindi. Juga merupakan anak saudara kepada Datuk Perpatih sendiri yang kebetulan anak sulung yang sedang bunting sulung. Sedangkan anak Datuk Perpatih yang cukup syaratnya tidak sanggup untuk berbuat demikian. Jalan cerita kedua-dua mitos di atas mempunyai persamaan, di mana akhirnya bahtera itu dapat dilancarkan dan menuju ke matlamatnya.

Berdasarkan cerita mitos di atas, terciptalah satu susunan sistem perwarisan harta yang lebih memberi keutamaan kepada kaum perempuan kerana sanggup menggadaikan nyawa untuk satu-satu tujuan. Walaupun mitos ini sukar untuk dipercayai kebenarannya, tetapi pengaruhnya amat kuat meresap ke dalam pemikiran orang-orang yang mengamalkan Adat Perpatih sehingga kekal menjadi amalan di dalam Hukum Adat seterusnya menjadi undang-undang di kalangan masyarakat Adat Perpatih.

2. Kaum perempuan sebagai pengasas suku dan perut:

Perwarisan harta pusaka yang memberi keutamaan kepada kaum wanita dapat dikaitkan kepada keadaan alam semulajadi iaitu kaum perempuan yang meneruskan perut atau suku dalam masyarakat Adat Perpatih. Sebagai mengenang jasa kaum perempuan yang tidak terhingga itu, sudah sewajarnya kaum perempuan itu menjadi waris bagi harta pusaka ibu bapa.

3. Peranan wanita sebagai pelindung:

Bila seseorang isteri atau perempuan meninggal dunia, anak-anak yang masih belum dewasa seharusnya dijaga dan dibesarkan oleh keluarga perempuannya yang rapat sekali pertalian kekeluarganya dengan dirinya sendiri. Kalau si mati masih ada ibu atau anak-anak perempuan yang telah dewasa, kedua-duanya bertanggungjawab untuk

membela anak-anak yang masih kecil. Kalau ketiga-tiga mereka iaitu ibu, anak perempuan yang dewasa atau telah bersuami dan adik perempuan tidak ada, maka waris-warisan perempuan yang lain menjaga anak-anak si mati sehingga dewasa dan berkahwin. Dengan demikian, harta pusaka juga akan diberi kepada kaum perempuan dengan alasan harta itu dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan untuk menyara hidup anak-anak, anak saudara atau menjaga ibu-ibu yang telah tua.

Peranan wanita sebagai pelindung keluarga lebih bertanggungjawab jika dibandingkan dengan kaum lelaki atau kaum bapa. Begitu juga jika sepasang suami isteri, apabila mereka bercerai, isteri terpaksa mengambil alih tugas yang dulunya dipikul oleh suami untuk mencari pendapatan. Jika wanita itu telah menjadi janda dan mempunyai harta pula, kehidupannya kelak tidak melarat. Kenyataan ini diakui sendiri oleh Azizah Kassim²⁵ dengan pernyataan seperti berikut:

‘ Bagi seorang janda yang mengerjakan tanah sendiri untuk mencari nafkah, kedudukannya sebagai janda lebih baik dari bersuamikan seorang pekerja kampung’.

Ini disebabkan sebilangan kecil dari janda-janda memiliki kebun getah dan tanah sawah. Oleh itu mereka boleh mendapatkan rezeki sebagai sumber mata pencarian di atas tanah tersebut.

Isteri juga tidak gentar untuk hidup tanpa suami dari dimadukan kerana kebanyakan dari mereka ada rumah dan kampung halaman sendiri untuk tempat tinggal dan ada pula sawah dan kebun getah sendiri yang boleh dikerjakan untuk mencari nafkah.

²⁵ Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih. Hal.170

Menurut pendapat Azizah Kassim lagi, wanita-wanita yang mengamalkan Adat Perpatih kurang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial disebabkan oleh Adat Perpatih itu sendiri dan juga buta huruf di kalangan mereka²⁶. Dengan demikian anak-anak perempuan mempunyai lebih banyak masa untuk mengerjakan sawah padi khususnya dengan dibantu oleh keluarga-keluarga perempuan yang lain.

Kesimpulannya:

Berdasarkan huraian di atas, kita dapati bahawa susunan sistem pembahagian harta yang diamalkan oleh masyarakat beradat Perpatih lebih memberi keutamaan kepada kaum perempuan. Ini disebabkan beberapa faktor yang difikirkan munasabah mengikut penilaian masyarakat tersebut. Malahan, bukan sahaja wanita ini yang mewarisi harta pusaka, mereka juga diberi keutamaan untuk terus tinggal di kalangan kaum keluarga di kawasan mereka sendiri. Ini menyebabkan wanita itu merasa kehidupan mereka lebih terjamin dan selamat.

Di sebalik keutamaan yang diberikan kepada kaum wanita, terdapat pihak lain yang menerima implikasinya iaitu pihak lelaki. Tanpa memiliki harta tersebut, menyebabkan pihak lelaki lebih-lebih suami, akan kurang berminat untuk mengerjakan tanah sawah atau ladang getah misalnya kerana rasa bertanggungjawab itu kurang lantaran bukan miliknya. Suami juga merasakan hidupnya seolah-olah menumpang dengan keluarga isteri dan merasakan hidupnya tidak selamat. Dari sudut lain, kita akan melihat bahawa lelaki itu akan bertendensi untuk memilih gadis yang bakal mewarisi harta untuk kesenangan selepas berumahtangga.

²⁶ Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih. Hal.239

BIBLIOGRAFI

Senarai buku-buku rujukan :

1. A Dictionary of the Social Sciences, Tavistock Publications, Great Britain, 1964
2. Abdul Rahman bin Hj. Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
3. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Perpatih di Malaysia, University Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
4. Al-Haji Othman bin Al-Haji Mohd Said, Kitab Pendahuluan Faraid, (Penggal I), Al-Ahmadiyah Press, Singapore 4, 16/67, 1968.
5. Azizi Deraman, Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1975.
6. Hasbi Ash Shiddieqy, Prof., Fiqhul Mawaris. Hukum-hukum Warisan Dalam Syari'at Islam, Bulan Bintang, Jakarta, 1973.
7. Hassan, A., Al-Furqan (Tafsir Quran), Penerbit PAP, Kelantan, 1974.
8. Hooker, Readings in Malay Adat Laws, Singapore University Press, Singapore, 1970.
9. _____, Adat Laws in Modern Malay, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
10. Koentjaraningrat, Pengantar Antropologi, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970.
11. Mawardy Muhammad, Ilmu Faraid, Penerbit Sa'adijah Putra, Padang Panjang, 1966.
12. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
13. Umar Abdullah, Ahkam al Mawaris fi al Syariah ak-islamiah, Cetakan ke 4, 1966.

Senarai Latihan Ilmiah:

14. Azizan Kassim, Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan, Tesis M.A., University Malaya Kuala Lumpur, 1969.
15. Mat Zean Aziz, Tanah Pusaka Dalam Adat Perpatih, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, University Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78.
16. Ujang bin Tahar, Adat Kekeluargaan Di Kalangan Masyarakat Melayu, Bentung, Pahang dan Pandangan Islam Terhadapnya, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975/76.

Kertas Seminar :

17. Abbas bin Haji Ali, Haji., Sebahagian Dari Dasar Hidup, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
18. Abdllah Siddik, Adat Modenisasi, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
19. Idris bin Haji Tain, Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
20. Samad Idris, Datuk, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).